



KETUA PENGARAH KERJA RAYA

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 18 (10)
Tarikh : 13 Januari 2020

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan

Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan

Pengarah JKR KESEDAR

Pengarah JKR KETENGAH

Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 3/2020

KELULUSAN KHAS PEROLEHAN UNTUK MELAKSANAKAN PELANTIKAN PERUNDING UKUR TANAH MELALUI KAEDAH LANTIKAN TERUS SECARA PENGGILIRAN BAGI KOS KERJA UKUR SEHINGGA RM500 RIBU

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kelulusan khas Kementerian Kewangan (MOF) kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan pelantikan Perunding Ukur Tanah melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur sehingga RM500 ribu. Kelulusan ini diberikan kepada JKR melalui surat kelulusan rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/47 JLD.2(5) bertarikh 12 Julai 2019.

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur
Tel.: 03- 2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>

1/5



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



SIRIM



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
CERT. NO.: ER 0281




SIRIM



CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007
CERT. NO.: SR 0802



CERTIFIED TO ISO 45001:2008
CERT. NO.: SR 0801



CERTIFIED TO ISO 50001:2011
CERT. NO.: Enr 0013

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lanjutan daripada keputusan Kerajaan untuk mematuhi Arahan Perbendaharaan 182.1 (AP182.1), surat MOF rujukan S/K.KEW/MOF/D/23/3 Jld. 2 SK.2(8) bertarikh 13 April 2018 telah bersetuju meluluskan supaya semua projek Kerajaan (Kerja) hendaklah diserahkan kepada Jabatan Teknik iaitu JKR dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk dilaksanakan.
- 2.2 Berikutan pertambahan jumlah bilangan projek yang akan dilaksanakan oleh JKR, langkah awal yang diperlukan oleh JKR adalah untuk melantik perunding ukur tanah dengan kadar segera bagi mengelakkan kelewatan pelaksanaan projek. Sehubungan dengan itu, permohonan JKR untuk mendapatkan kelulusan khas MOF bagi melaksanakan pelantikan perunding ukur tanah melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur sehingga RM 500 ribu telah diluluskan oleh MOF melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/47 JLD.2(5) bertarikh 12 Julai 2019.

3.0 SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN

- 3.1 Kelulusan khas untuk melaksanakan pelantikan perunding ukur tanah melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur sehingga RM 500 ribu adalah sah untuk tempoh selama tiga (3) tahun bermula dari 12 Julai 2019 sehingga 11 Julai 2022
- 3.2 Pengecualian khas ini diberikan kepada pelantikan perunding ukur tanah sahaja dan tidak boleh dijadikan *precedent* untuk pelantikan bidang perunding yang lain.

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 18 (10)
Tarikh : 13 Januari 2020

- 3.3 Perunding Ukur Tanah yang akan disenaraikan dalam Senarai Daftar Induk hendaklah berdaftar dengan MOF. Senarai ini akan dibahagikan mengikut lokaliti (negeri), diperakuan oleh Jawatankuasa Pelulus Senarai Nama Perunding Ukur Tanah JKR Malaysia dan perlu diperbaharui bagi tempoh setiap enam (6) bulan sekali.
- 3.4 Perolehan Kerajaan 3.2 (PK 3.2) bagi pengiraan kos perkhidmatan perunding secara Yuran Tetap (*Fixed Fee*) perlu dipatuhi. Kadar Harga dalam Fi Ukur Kejuruteraan 2001 telah dimansuhkan dan hanya boleh digunakan sebagai panduan bagi mendapatkan Anggaran Kos (Kos Perkhidmatan Perunding) sahaja.

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 Bagi tujuan melaksanakan perolehan pelantikan perunding ukur tanah, JKR telah menyediakan **Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedures) Pelantikan Perunding Ukur Tanah Melalui Kaedah Lantikan Terus Secara Penggiliran Bagi Kos Kerja Ukur Sehingga RM500 Ribu** seperti yang disertakan untuk dijadikan sebagai rujukan.

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 18 (10)
Tarikh : 13 Januari 2020

5.0 KUAT KUASA

- 3.1 Arahan ini berkuat kuasa untuk projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan arahan-arahan semasa lain yang berkuat kuasa.
- 3.2 Surat Arahan ini akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baharu yang memerlukan surat arahan ini dikaji semula dan dikemas kini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(Ir. KAMALUDDIN BIN HAJI ABDUL RASHID)

Ruj. Kami : JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 18 (10)
Tarikh : 13 Januari 2020

- s.k. - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat

**PROSEDUR OPERASI PIAWAI (*STANDARD OPERATING PROCEDURES - SOP*)
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH MELALUI KAEDAH
LANTIKAN TERUS SECARA PENGGILIRAN BAGI KOS KERJA UKUR
SEHINGGA RM500 RIBU**

1. OBJEKTIF

Kementerian Kewangan (MOF) telah memberi kelulusan khas kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan pelantikan Perunding Ukur Tanah melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur sehingga RM500 ribu melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/47 JLD.2(5) bertarikh 12 Julai 2019.

2. SKOP PEROLEHAN

- 2.1 Kelulusan khas untuk melaksanakan pelantikan Perunding Tanah melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur tanah sehingga RM500 ribu sah untuk tempoh selama tiga (3) tahun bermula daripada 12 Julai 2019 sehingga 11 Julai 2022.
- 2.2 Pengecualian khas ini diberikan kepada pelantikan Perunding Ukur Tanah sahaja dan tidak boleh dijadikan ‘precedent’ untuk pelantikan bidang perunding yang lain.
- 2.3 SOP ini hendaklah diguna pakai oleh semua Cawangan Ibu Pejabat JKR, JKR Negeri dan JKR Unit Khas yang melaksanakan perolehan perkhidmatan Perunding Ukur Tanah di bawah semua butiran peruntukan Kerajaan Persekutuan.

2.4 Pemilihan Nama Perunding Ukur Tanah

Pemilihan nama perunding melalui kaedah lantikan terus secara penggiliran bagi kos kerja ukur tanah sehingga RM500 ribu dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP), JKR.

2.5 Kos Perkhidmatan Perunding Ukur Tanah

- 2.5.1 Kos perkhidmatan perunding merangkumi yuran perunding dan juga kos imbuhan balik merujuk kepada Perolehan Kerajaan PK3.2 (Kos Perkhidmatan Perunding).
- 2.5.2 Kadar Harga dalam Fi Ukur Kejuruteraan 2001 telah dimansuhkan dan hanya boleh digunakan sebagai panduan bagi mendapatkan Anggaran Jabatan sahaja.

2.5.3 Yuran perkhidmatan Perunding Ukur Tanah adalah secara Yuran Tetap (*Fixed Fee*).

2.6 Tambahan Kos Perkhidmatan Perunding Ukur Tanah

2.6.1 Sekiranya terdapat pertambahan kos perkhidmatan perunding yang melebihi anggaran kos semasa memuktamadkan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos (CTK) perunding, pihak *Head of Project Team* (HOPT) / *Head of Design Team* (HODT) / JKR Negeri yang mana berkenaan, perlu memperolehi pengesahan peruntukan tambahan.

2.6.2 Sekiranya terdapat pertambahan kos perkhidmatan perunding disebabkan oleh perubahan skop selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, pihak HOPT / HODT / JKR Negeri yang mana berkenaan, perlu membuat permohonan tersebut untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) selaras dengan PK3.1. Pihak HOPT / HODT / JKR Negeri yang mana berkenaan, perlu menyediakan Perjanjian Tambahan untuk perubahan skop dan tambahan kos perkhidmatan perunding. Perjanjian ini hendaklah dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang (PUU), Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk semakan dan kelulusan terlebih dahulu.

2.7 Tempoh Perkhidmatan Perunding Ukur Tanah

Penentuan Tempoh Perkhidmatan Perunding perlu mengikut kesesuaian skop kerja dan lokasi projek.

2.8 Lanjutan Tempoh Perkhidmatan Perunding Ukur Tanah

2.8.1 Sekiranya tempoh perkhidmatan perunding perlu dilanjutkan, pihak HOPT / HODT / JKR Negeri yang mana berkenaan hendaklah memastikan kelulusan pelanjutan tempoh perjanjian oleh PBM dan rundingan terma / syarat perjanjian tambahan dapat diselesaikan sebelum tarikh perjanjian perunding tamat selaras dengan PK3.10.

2.8.2 Sekiranya terdapat permohonan pelanjutan tempoh perkhidmatan perunding selepas tarikh perjanjian perunding tamat, ianya hendaklah dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal selaras dengan PK3.10. Pihak HOPT / HODT / JKR Negeri yang mana berkenaan, perlu menyediakan perjanjian tambahan untuk lanjutan tempoh perkhidmatan perunding. Perjanjian ini hendaklah dikemukakan kepada PUU, KKR untuk semakan dan kelulusan terlebih dahulu.

3. PENUBUHAN JAWATANKUASA PELULUS SENARAI NAMA PERUNDING UKUR TANAH (JPSN) JKR MALAYSIA

- 3.1 JPSN ditubuhkan untuk memperakarkan senarai nama perunding ukur tanah bagi kaedah lantikan terus secara penggiliran.
- 3.2 Jawatankuasa ini hendaklah memperbaharui Senarai Daftar Induk Perunding Ukur Tanah bagi tempoh setiap enam (6) bulan sekali.
- 3.3 Keahlian JPSN adalah seperti berikut:

Pengerusi

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya

Ahli

- Pengarah CKIP;
- Pengarah Cawangan Jalan / Wakil; dan
- Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan / Wakil

Urus Setia

- CKIP

4. SENARAI DAFTAR INDUK PERUNDING UKUR TANAH

- 4.1 Nama-nama perunding diperolehi daripada Sistem ePerunding dan nama-nama ini akan dirujuk silang dengan senarai perunding daripada Lembaga Juruukur Tanah (LJT) Malaysia, Land Surveyors Board Sarawak (LSBS) dan Sabah Surveyors Board (SSB).
- 4.2 Senarai Daftar Induk ini akan dibahagikan mengikut lokaliti (negeri). Negeri-negeri yang kecil digabungkan untuk menyesuaikan bilangan perunding bagi setiap lokaliti. Lokaliti perunding seperti di Jadual 1:

Jadual 1 – Lokaliti Perunding Ukur Tanah

Bil.	Lokaliti Perunding Ukur Tanah
1.	Johor
2.	Melaka dan Negeri Sembilan
3.	Selangor
4.	Perak
5.	Kedah dan Perlis
6.	Pulau Pinang
7.	Kelantan
8.	Terengganu

Bil.	Lokaliti Perunding Ukur Tanah
9.	Pahang
10.	Sabah
11.	Sarawak
12.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan

- 4.3 JPSN bertanggungjawab membuat saringan ke atas senarai perunding yang dikenalpasti seperti di perenggan 4.1 berdasarkan kriteria-kriteria berikut:
- 4.3.1 Pendaftaran dengan MOF dalam kod bidang yang berkaitan dan LJT / LSBS / SSB masih sah semasa JPSN bersidang.
 - 4.3.2 Bebas daripada tindakan tata tertib / penyenaraian hitam oleh MOF / Lembaga Profesional.
- 4.4 Senarai Daftar Induk Perunding ini akan diperakukan bagi tempoh enam (6) bulan sahaja oleh JPSN.

5. KAEDAH PEROLEHAN PERUNDING UKUR TANAH

5.1 Pejabat yang Menguruskan Perolehan

Pejabat yang menguruskan perolehan Perunding Ukur Tanah adalah seperti berikut:

5.1.1 Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan

- a) Menguruskan permohonan perolehan daripada semua HOPT di Cawangan JKR Ibu Pejabat (tidak termasuk Cawangan Jalan).
- b) Proses dan Aliran Kerja adalah seperti di **Lampiran A**.

5.1.2 Cawangan Jalan

- a) Menguruskan permohonan perolehan daripada HOPT/HODT di Cawangan Jalan (CJ).
- b) Proses dan Aliran Kerja adalah seperti di **Lampiran B**.

5.1.3 JKR Negeri

- a) Menguruskan semua permohonan perolehan di peringkat negeri.
- b) Proses dan Aliran Kerja adalah seperti di **Lampiran C**.

5.2 Permohonan Nama Perunding Ukur Tanah

Semua pejabat yang menguruskan perolehan perunding ukur tanah seperti di perenggan 5.1 hendaklah membuat permohonan nama perunding kepada:

Pengarah
 Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan
 Ibu Pejabat JKR Malaysia
 Tingkat 8, Blok F
 Jalan Sultan Salahuddin
 50582 Kuala Lumpur
 Salinan permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

Bahagian Ukur Tanah
 Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan
 Ibu Pejabat JKR Malaysia
 Aras 19, No. 50, Menara PJD
 Jalan Tun Razak
 50400 Kuala Lumpur

5.3 Tatacara Perolehan Perunding Ukur Tanah di Peringkat CKIP

5.3.1 HOPT hendaklah mengemukakan permohonan perolehan perkhidmatan perunding kepada Bahagian Ukur Tanah, CKIP yang mengandungi maklumat berikut:

- a) Ringkasan skop perkhidmatan ukur tanah;
- b) Peruntukan perkhidmatan perunding yang diluluskan;
- c) Pelan Akui (bagi lot yang telah mempunyai hakmilik kekal) atau Geran Hakmilik Sementara atau Pelan Pra Hitungan yang lengkap dan telah mendapat kelulusan / pengesahan;
- d) Nyatakan jarak koridor daripada sempadan lot atau tapak projek yang diperlukan; dan
- e) Keperluan-keperluan lain yang berkaitan. Contoh: saiz minimum ukur lilit bagi butiran pokok.

Bahagian Ukur Tanah, CKIP berhak menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan teratur. Permohonan tersebut akan dikembalikan kepada pemohon untuk pindaan/pembetulan yang sewajarnya.

- 5.3.2 Setelah menerima permohonan yang lengkap dan teratur, Bahagian Ukur Tanah, CKIP akan menyediakan cadangan *Term of Reference* (TOR) serta anggaran kos dan seterusnya mengemukakan kepada HOPT untuk mendapatkan persetujuan secara bertulis bagi meneruskan proses perolehan.
 - 5.3.3 Bahagian Ukur Tanah, CKIP hendaklah mengemukakan permohonan yang telah dipersetujui oleh HOPT kepada Pengarah CKIP untuk pemilihan nama perunding.
 - 5.3.4 Pemilihan nama perunding mengikut Senarai Daftar Induk yang telah diluluskan oleh JPSN hendaklah diperakukan oleh sekurang-kurangnya pegawai J48 dan diluluskan oleh Pengarah CKIP seperti di perenggan 7.
 - 5.3.5 Bahagian Ukur Tanah, CKIP hendaklah menyedia dan menguruskan Surat Pelawaan serta Dokumen Pelawaan dan seterusnya mengemukakan Surat Pelawaan berserta Dokumen Pelawaan kepada perunding yang diluluskan.
 - 5.3.6 Bahagian Ukur Tanah, CKIP menerima dan menyemak CTK yang dikemukakan oleh perunding dan seterusnya memuktamadkan CTK seperti di perenggan 8.
 - 5.3.7 Bahagian Ukur Tanah, CKIP hendaklah menyedia dan menguruskan SST untuk ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa.
 - 5.3.8 CKIP hendaklah menyediakan Senarai Perunding Ukur Tanah Yang Dilantik menggunakan format seperti di **Lampiran D** sebaik sahaja SST perunding dikeluarkan.
 - 5.3.9 Bahagian Ukur Tanah, CKIP hendaklah mengemaskini secara berterusan Senarai Perunding Ukur Tanah Yang Dilantik di JKR Malaysia.
- 5.4 Tatacara Perolehan Perunding Ukur Tanah di Cawangan Jalan**
- 5.4.1 HODT di CJ hendaklah menentukan keperluan perkhidmatan perunding setelah menerima butiran projek daripada HOPT.
 - 5.4.2 HODT hendaklah menyediakan cadangan TOR serta anggaran kos dan seterusnya dimuktamadkan di peringkat CJ.
 - 5.4.3 CJ hendaklah mengemukakan permohonan pemilihan nama perunding kepada Pengarah CKIP yang mengandungi brief projek, lokaliti, skop perkhidmatan ukur tanah dan anggaran kos seperti alamat di perenggan 5.2.

- 5.4.4 HODT hendaklah menyedia dan menguruskan Surat Pelawaan dan Dokumen Pelawaan setelah menerima nama perunding daripada Pengarah CKIP dan seterusnya mengemukakan Surat Pelawaan berserta Dokumen Pelawaan kepada perunding yang dinamakan.
- 5.4.5 HODT menerima dan menyemak CTK yang dikemukakan oleh perunding dan seterusnya memuktamadkan CTK seperti di perenggan 8.
- 5.4.6 HODT hendaklah menyedia dan menguruskan SST untuk ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa. SST tersebut hendaklah disalinkan kepada Pengarah CKIP seperti alamat di perenggan 5.2.
- 5.4.7 CJ hendaklah mengemukakan Senarai Perunding Ukur Tanah Yang Dilantik kepada Pengarah CKIP dengan menggunakan format seperti di **Lampiran D** sebaik sahaja SST perunding dikeluarkan.

5.5 Tatacara Perolehan Perunding Ukur Tanah di JKR Negeri

- 5.5.1 JKR Negeri hendaklah menentukan keperluan perkhidmatan perunding berdasarkan butiran sesuatu projek.
- 5.5.2 JKR Negeri hendaklah menyediakan cadangan TOR serta anggaran kos dan seterusnya dimuktamadkan di peringkat JKR Negeri.
- 5.5.3 JKR Negeri hendaklah mengemukakan permohonan pemilihan nama perunding kepada Pengarah CKIP yang mengandungi brif projek, lokaliti, skop perkhidmatan ukur tanah dan anggaran kos seperti alamat di perenggan 5.2.
- 5.5.4 JKR Negeri hendaklah menyedia dan menguruskan Surat Pelawaan dan Dokumen Pelawaan setelah menerima nama perunding daripada Pengarah CKIP dan seterusnya mengemukakan Surat Pelawaan berserta Dokumen Pelawaan kepada perunding yang dinamakan.
- 5.5.5 JKR Negeri menerima dan menyemak CTK yang dikemukakan oleh perunding dan seterusnya memuktamadkan CTK seperti di perenggan 8.
- 5.5.6 JKR Negeri hendaklah menyedia dan menguruskan SST untuk ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa. SST tersebut hendaklah disalinkan kepada Pengarah CKIP seperti alamat di perenggan 5.2.

- 5.5.7 JKR Negeri hendaklah mengemukakan Senarai Perunding Ukur Tanah Yang Dilantik kepada Pengarah CKIP dengan menggunakan format seperti di **Lampiran D** sebaik sahaja SST perunding dikeluarkan.

6. PENGURUSAN KONTRAK PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH

6.1 Penyediaan Dokumen Perjanjian Perunding Ukur Tanah

Dokumen Perjanjian Perunding hendaklah dimuktamadkan dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh perunding.

6.2 Tuntutan Bayaran Perkhidmatan Perunding Ukur Tanah di Peringkat CKIP

- 6.2.1 HOPT hendaklah mengemukakan laporan data ukur / *deliverables* yang dilaksanakan oleh perunding untuk ulasan Bahagian Ukur Tanah, CKIP.
- 6.2.2 HOPT hendaklah membuat pengesoran dan perakuan bayaran perunding setelah mengambil kira ulasan daripada Bahagian Ukur Tanah, CKIP.

6.3 Tuntutan Bayaran Perkhidmatan Perunding Ukur Tanah di Peringkat Cawangan Jalan / JKR Negeri

- 6.3.1 HODT CJ / JKR Negeri menerima dan menyemak laporan data ukur / *deliverables* yang dilaksanakan oleh perunding.
- 6.3.2 HODT CJ hendaklah membuat pengesoran dan perakuan bayaran perunding dan mengemukakan kepada HOPT CJ bagi tujuan menguruskan pembayaran.
- 6.3.3 JKR Negeri hendaklah membuat pengesoran dan perakuan bayaran perunding kepada pejabat yang berkenaan bagi tujuan menguruskan pembayaran.

7. PEMILIHAN NAMA PERUNDING UKUR TANAH SECARA PENGGILIRAN OLEH CKIP


- 7.1 Pemilihan nama perunding mengikut Senarai Daftar Induk Perunding Ukur Tanah yang telah diluluskan oleh JPSN hendaklah diperakurkan oleh sekurang-kurangnya pegawai J48 dan diluluskan oleh Pengarah CKIP. Pelantikan pegawai J48 tersebut hendaklah dibuat oleh Pengarah CKIP secara bertulis.
- 7.2 Tanggungjawab Pelulus dan Pegawai yang Memperaku adalah seperti berikut:

- 7.2.1 Memastikan setiap permohonan nama perunding disertakan dengan pengesahan peruntukan yang mencukupi.
 - 7.2.2 Memastikan lokaliti projek dan alamat berdaftar perunding yang dipilih menepati perenggan 4.2.
 - 7.2.3 Memastikan pendaftaran perunding dengan MOF dan Lembaga Profesional masih sah.
 - 7.2.4 Memastikan perunding bebas daripada tindakan tatatertib / penyenaraian hitam oleh MOF / Lembaga Profesional.
 - 7.3 Pemilihan, penyenaraian giliran dan pelantikan perunding hendaklah secara telus, adil dan saksama bagi mengelakkan perunding yang sama dilantik berulang kali.
 - 7.4 CKIP hendaklah memaklumkan Keputusan Pemilihan Nama Perunding kepada pihak yang mengemukakan permohonan.
- 8. MEMUKTAMADKAN CADANGAN TEKNIKAL DAN CADANGAN KOS PERUNDING UKUR TANAH**
- 8.1 CTK Perunding hendaklah diperakukan oleh sekurang-kurangnya pegawai gred J41 dan diluluskan oleh sekurang-kurangnya pegawai gred J48 untuk dimuktamadkan. Pegawai-pegawai tersebut hendaklah dilantik oleh Pengarah yang berkenaan secara bertulis.
 - 8.2 Tanggungjawab Pelulus dan Pegawai yang Memperaku adalah seperti berikut:
 - 8.2.1 Memastikan nama perunding yang dipelawa telah diluluskan oleh Pengarah CKIP.
 - 8.2.2 Memastikan kos perkhidmatan perunding yang dicadangkan tidak melebihi anggaran kos.
 - 8.3 Maklumat CTK perunding yang diluluskan hendaklah direkodkan di dalam borang Keputusan Penilaian Kos Perunding Ukur Tanah seperti di **Lampiran E**.
 - 8.4 Kelulusan CTK hendaklah dimaklumkan kepada pihak yang mengemukakan permohonan untuk disediakan SST.

LAMPIRAN A

**PROSES DAN ALIRAN KERJA
PELANTIKAN PERUNDING UKUR TANAH SECARA PENGGILIRAN**

CAWANGAN IBU PEJABAT JKR (TIDAK TERMASUK CAWANGAN JALAN)

Bil	Proses Kerja	Pihak Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Dokumen Rujukan / Borang / Lampiran
1.	Terima dan semak permohonan pelantikan perkhidmatan perunding ukur tanah.	BUT, CKIP		
2.	Sediakan TOR serta Anggaran Kos dan kemukakan kepada HOPT.	BUT, CKIP		
3.	HOPT mempersetujui TOR serta Anggaran Kos dan mengesahkan peruntukan mencukupi.	HOPT		
4.	Kemukakan permohonan nama perunding kepada Pengarah CKIP.	BUT, CKIP		
5.	Perakuan dan Kelulusan Nama Perunding sepetimana dalam Senarai Daftar Induk yang telah diluluskan oleh JPSN.	Pegawai ≥ J48 & Pengarah CKIP		
6.	Kemukakan Surat Pelawaan berserta Dokumen Pelawaan kepada perunding yang diluluskan.	BUT, CKIP		
7.	Terima dan semak CTK daripada perunding yang dipelawa.	BUT, CKIP		
8.	Memuktamadkan CTK perunding.	Pegawai ≥ J41 & Pegawai ≥ J48		Lampiran E
9.	Menyedia dan menguruskan SST dan Dokumen Perjanjian.	BUT, CKIP		
10.	Kemukakan senarai perunding yang dilantik kepada Pengarah CKIP.	BUT, CKIP		Lampiran D


NOTA

CKIP : Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan
 BUT : Bahagian Ukur Tanah

LAMPIRAN B

PROSES DAN ALIRAN KERJA
PELANTIKAN PERUNDING UKUR TANAH SECARA PENGGILIRAN

CAWANGAN JALAN

Bil	Proses Kerja	Pihak Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Dokumen Rujukan / Borang / Lampiran
1.	Penentuan keperluan perkhidmatan perunding.	HODT CJ		
2.	Sediakan TOR serta Anggaran Kos dan seterusnya dimuktamadkan di peringkat CJ.	HODT CJ		
3.	Kemukakan permohonan pemilihan nama perunding kepada Pengarah CKIP.	CJ		
4.	Penerimaan Keputusan Nama Perunding Ukur Tanah daripada CKIP.	CJ		
5.	Kemukakan Surat Pelawaan berserta Dokumen Pelawaan kepada perunding yang diluluskan.	HODT CJ		
6.	Terima dan semak CTK daripada perunding yang dipelawa.	HODT CJ		
7.	Memuktamadkan CTK perunding.	Pegawai \geq J41 & Pegawai \geq J48		Lampiran E
8.	Menyedia dan menguruskan SST dan Dokumen Perjanjian.	HODT CJ		
9.	Kemukakan senarai perunding yang dilantik kepada Pengarah CKIP.	CJ		Lampiran D

NOTA

CKIP : Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan


CJ : Cawangan Jalan

HODT : Head of Design Team

LAMPIRAN C

**PROSES DAN ALIRAN KERJA
PELANTIKAN PERUNDING UKUR TANAH SECARA PENGGILIRAN**

JKR NEGERI

Bil	Proses Kerja	Pihak Yang Bertanggungjawab	Aliran Kerja	Dokumen Rujukan / Borang / Lampiran
1.	Penentuan keperluan perkhidmatan perunding.	JKR Negeri		
2.	Sediakan TOR serta Anggaran Kos dan seterusnya dimuktamadkan di peringkat JKR Negeri.	JKR Negeri		
3.	Kemukakan permohonan pemilihan nama perunding kepada Pengarah CKIP.	JKR Negeri		
4.	Penerimaan Keputusan Nama Perunding Ukur Tanah daripada CKIP.	JKR Negeri		
5.	Kemukakan Surat Pelawaan berserta Dokumen Pelawaan kepada perunding yang diluluskan.	JKR Negeri		
6.	Terima dan semak CTK daripada perunding yang dipelawa.	JKR Negeri		
7.	Memuktamadkan CTK perunding.	Pegawai \geq J41 & Pegawai \geq J48		Lampiran E
8.	Menyedia dan menguruskan SST dan Dokumen Perjanjian.	JKR Negeri		
9.	Kemukakan senarai perunding yang dilantik kepada Pengarah CKIP.	JKR Negeri		Lampiran D

NOTA

CKIP : Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan

SENARAI PERUNDING UKUR TANAH YANG DILANTIK

BIL.	NAMA PERUNDING	TARIKH LANTIKAN (senaraikan semua tarikh lantikan yang terlibat)	NAMA PROJEK	KOS PERUNDING (tanpa cukai)
1.	ABC Land Surveyor Lokaliti: Selangor	1. 20.7.2019 2. 12.9.2019 3. 2.12.2019	1. Pembinaan Sekolah DEF untuk Kementerian Pendidikan Malaysia Lokasi: Selangor 2. Pembinaan Hospital G Aerah YY untuk Kementerian Kesihatan Malaysia Lokasi: Selangor 3. Pembinaan Ibu Pejabat K A untuk Kementerian Dalam Negeri Lokasi: Selangor	RMxx,xxx.xx RMxx,xxx.xx RMxx,xxx.xx
	Jumlah lantikan sehingga kini	3	1. 2. 3.	RMxxx,xxx.xx
2.	Nama Firma: Lokaliti:		1. 2. 3.	
	Jumlah lantikan sehingga kini		1. 2. 3.	
3.	Nama Firma: Lokaliti:		1. 2. 3.	
	Jumlah lantikan sehingga kini			

LAMPIRAN E

KEPUTUSAN PENILAIAN KOS PERUNDING UKUR TANAH

PROJEK:

PERUNDING YANG DIPELAWA:

PERKARA		ANGGARAN KOS (RM)	KOS YANG DISYORKAN (RM)	KOS YANG DIMUKTAMADKAN (RM)
A	Kos Perkhidmatan Perunding			
	Yuran Ikhtisas			
	Jumlah:			
B	Kos Imbuhan Balik			
	Imbuhan Balik			
	Jumlah:			
Jumlah A + B				
Cukai Perkhidmatan (6%)				
Jumlah Keseluruhan Kos Perunding				

TANDATANGAN PERAKU DAN PELULUS	CAP JAWATAN
Pegawai Yang Memperakukan (Nama Pegawai)	
Pegawai Yang Meluluskan (Nama Pegawai)	
Tarikh:	